

KPD 3026  
PENGAJARAN TEKNOLOGI DAN PENAKSIRAN 2

Tajuk Tugas:




**Video untuk Modul Atas Talian (Projek Berkumpulan – 5 org )**

Disediakan oleh :

<b>1.</b>	<b>JAINON ANAK BITING</b>	<b>PPG/32231/12</b>	<b>680314-13-5066</b>
<b>2.</b>	<b>FLORINE ANAK KANYONG</b>	<b>PPG/32184/12</b>	<b>680921-13-5092</b>
<b>3.</b>	<b>ISNANI BINTI AHMAD SIMPA</b>	<b>PPG/32223/12</b>	<b>810504-04-5478</b>
<b>4.</b>	<b>RITA ANAK JAMBAL</b>	<b>PPG/33244/12</b>	<b>710225-13-5368</b>
<b>5.</b>	<b>DAREN ANAK SUNDANG</b>	<b>PPG/32141/12</b>	<b>710511-13-5481</b>

Tajuk : Membuat Kraftangan daripada bahan terbuang  
Mata Pelajaran : Pendidikan Seni Visual  
Kelas : Tahun 6  
Masa : 30 minit  
Objektif : Selepas pengajaran dan pembelajaran, murid-murid sepatutnya dapat ;  
a) menghasilkan kraftangan dengan menggunakan surat khabar lama dengan cantik dan kemas.  
b) mempelajari nilai sabar dan berhati-hati semasa melakukan aktiviti menganyam.

## Story board (Projek Video)

		
<p>Langkah pertama, sediakan bahan-bahan yang diperlukan seperti; surat khabar lama, cat varnish, gam, lidi, pisau, berus cat, dawai, dan playar.</p>	<p>Langkah kedua, lipat dan potong kertas surat khabar kepada dua bahagian.</p>	<p>Kemudian, kertas tadi digulung dengan menggunakan lidi dan digam di hujung kertas tersebut. Setelah siap, lidi tadi dikeluarkan daripada gulungan kertas itu.</p>
<p><b>Gambar di ambil secara dekat</b> – Bahan-bahan yang digunakan.</p>	<p><b>Gambar diambil secara dekat dan jarak sederhana</b> – memotong surat khabar kepada dua bahagian.</p>	<p><b>Gambar diambil secara dekat</b> – menggulung surat khabar menggunakan lidi.</p>



Masukkan dawai ke dalam gulungan kertas untuk membuat tiang bakul tersebut.

Untuk menghasilkan sebuah bakul yang bersaiz sederhana kita memerlukan 8 batang/gulungan surat khabar yang telah dimasukkan dawai dan sekurang-kurangnya 60 gulungan kertas surat khabar yang tidak berdawai.

**Gambar diambil secara dekat** - memasukkan dawai ke dalam gulungan kertas untuk dijadikan asas bakul.



Proses seterusnya, menganyam bakul . Sediakan lapan gulungan kertas yang berdawai tadi dan susun secara bersilang sebanyak empat-empat sebagai asas atau dasar bakul.

**Gambar diambil secara dekat** – mula menganyam dasar bakul.



Kemudian, lilitkan gulungan kertas yang tidak berdawai pada asas bakul tersebut secara berselang seli sehingga ke saiz yang dikehendaki. Proses menganyam bahagian tengah dan seterusnya bahagian atas atau hujung.

**Gambar diambil secara dekat** – Menganyam bahagian atas (badan) bakul.



Lebih gulungan kertas pada bahagian hujung akan dipotong supaya kemas.

**Gambar diambil secara dekat** – memotong hujung gulungan kertas supaya kemas.



Enam gulungan kertas yang dipintal untuk dijadikan pemegang bakul.

**Gambar diambil dalam jarak sederhana** – Memintal gulungan kertas yang dijadikan pemegang bakul.



Proses menyapu varnish yang berwarna perang pada bakul yang telah siap dianyam. Varnis harus disapu rata mengikut arah lilitan gulungan kertas. Selain mencantikkan bakul, varnish ini juga bertujuan untuk mengukuhkan bakul tersebut. Varnis itu juga mengelak bakul daripada rosak.

**Gambar diambil jarak dekat**- Menyapu varnish mengikut arah lilitan gulungan kertas.



Bakul yang telah siap divarnis dijemur sehingga kering.

**Gambar diambil jarak dekat** – bakul yang sudah disapu varnish dijemur sehingga kering.



Pelbagai hasil kraf tangan daripada surat khabar lama seperti pasu, pemegang payung, tempat meletak alat tulis dan sebagainya.

**Gambar jarak sederhana** – Bakul pelbagai saiz yang dihasilkan daripada surat khabar lama yang mempunyai pelbagai kegunaan